

Kerajaan jamin atasi masalah setinggan

BH 24 MAR 2011
Oleh Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR Jumaat – Kerajaan memberi jaminan masalah setinggan di seluruh negara akan diatasi bagi membasmi kemiskinan yang menjadi punca kepada gejala sosial.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata selama ini masalah kemiskinan di bandar diabaikan kerana perancangan menunjukkan kadar kemiskinan di Malaysia adalah rendah.

Sungguhpun ramai berpendapat besar kos sara hidup (yang tinggi di bandar) menyebabkan ramai menjadi miskin.

Akibatnya kita mendapati banyak masalah sosial dan penduduk miskin bandar ini khususnya di kawasan setinggan mudah dihasut untuk mencetuskan keamisan ketika berucap pada majlis malam tahun ke-36 Malaysia Hindu Sunyam (MHS) di Menara PCR di sini malam ini.

Sambil merujuk kepada pergaduhan yang tercetus di sekitar

Jalan Klang Lama baru baru ini Dr Mahathir berkata insiden itu bukan disebabkan masalah perkauman semata mata tetapi lebih kepada masalah sosial yang wujud kerana kemiskinan.

Kita tahu bahawa insiden ini berlaku di kawasan yang penduduknya paling miskin dan golongan miskin mudah dihasut untuk menimbulkan keganasan.

Oleh itu kita akan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah setinggan dan masalah (kemiskinan) yang dihadapi di bandar. Bukan saja di Petaling Jaya Selatan (Jalan Klang Lama) tetapi juga di seluruh negara lainnya.

Turut hadir di majlis ini ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Menteri Kerja Raya yang juga Penaung MHS Datuk Seri S Samy Vellu dan isteri Datin Seri Indrani serta Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Menurut Perdana Menteri rakyat Malaysia pada umumnya bersikap toleransi dan mereka dapat bercampur bekerja dan bermain bersama tanpa membangkan keselamatan mereka.

Insiden baru baru ini (pergaduhan Jalan Klang Lama) difahamkan berpunca daripada salah faham tetapi malangnya ada orang yang cuba menggunakan keadaan ini untuk menimbulkan huru-hara.

Sesetengah yang terbabat dalam kejadian itu tidak tinggal dekat kawasan itu pun. Bagaimanapun kita bernasib baik dapat diselesaikan dengan cepat katanya.

Sementara itu Perdana Menteri juga berkata kerajaan akan mengkaji cadangan Presiden MHS A Vaithilingam supaya mewartakan kuil Hindu yang dibina di tanah kerajaan dan swasta memberi peruntukan kepada persatuan itu untuk menangani gejala sosial di ka-

langan masyarakat Hindu serta mengharamkan samsu.

Cadangan itu dikemukakan oleh Vaithilingam ketika menyampaikan ucapan aluannya di majlis berkenaan.

Dr Mahathir memberi jaminan kerajaan akan terus memberi layanan yang adil kepada semua agama dan kaum di negara ini serta memastikan mereka mendapat hak masing masing.

Katanya perbezaan pendapat memang tidak dapat dielakkan dalam masyarakat pelbagai kaum dan agama seperti di Malaysia.

Malah di dalam Islam pun kita tidak dapat mengelakkan timbul perbezaan. Oleh itu bukannya sesuatu yang asing orang yang berlainan kaum dan keturunan berbeza pendapat.

Tetapi yang penting kita menyelesaikannya menerusi perbincangan dan sikap bertolak ansur. Kerajaan menyokong tindakan seperti ini. Jika boleh bantu kita akan buat ka-